

JABATAN KEHAKIMAN
MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
50506 KUALA LUMPUR

Bil Kami: JK/IP(BT)No.14(4)
Tarikh : 1hb November 1988

Y.A. Hakim-Hakim. Mahkamah Agung.
Y.A. Hakim-Hakim, Mahkamah Tinggi.
Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Agung/Tinggi.
Semua Hakim Mahkamah Sesyen.
Semua Majistret, Mahkamah Majistret.

Yang Arif/Tuan/Puan,

Per: Nota Amalan (Penyelarasan Penggunaan Bahasa Malaysia)
No. 2 Tahun 1988

Saya telah diarahkan oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya sebagai susulan kepada Nota Amalan (Penyelarasan Penggunaan Bahasa Malaysia) No. 1 Tahun 1988 bertujuan menggalakkan keseragaman penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah.

Panduan Tatacara bagi Peguam-Peguam bila menjalankan prosiding Mahkamah

1. Pengucapan dalam Perbicaraan di Mahkamah Majistret/Sesyen

Kes Sivil(sebutan)

(a) Jika tidak diwakili oleh peguam:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,

Saya (sebut nama) adalah plaintif/defendan/pemohon (sebutkan mana yang berkenaan) dalam kes ini.

...2/-

(b) Jika diwakili oleh peguam:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan
Majistret,

Saya (sebut nama) mewakili pihak plaintif/
defendan/pemohon (sebutkan mana yang berkenaan
dalam kes ini.

(c) Jika peguambela ingin menyebut bagi pihak
peguambela lain yang hadir ia hendaklah berkata:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan
Majistret,

Saya (sebut nama) mewakili pihak plaintif/pemohon
dan rakan saya yang bijaksana (sebut nama)
mewakili pihak defendan/responden (sebut mana
berkenaan)

(d) Dalam kes di mana terdapat lebih daripada satu
plaintif, cara pengucapannya adalah seperti
berikut:

~~"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan
Majistret,~~

Saya (sebut nama) mewakili pihak plaintif pertama
dan rakan saya yang bijaksana (sebut nama)
mewakili plaintif kedua" (dan seterusnya).

(e) Jika menyebut bagi peguam yang tidak dapat hadir ia hendaklah berkata:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,


Saya (sebut nama) mewakili pihak plaintif/defendan dan menyebut kes ini bagi (sebut nama) peguam pihak defendan/plaintif" (sebutkan mana yang berkenaan).

(f) Jika peguam pihak ketiga hadir dan menyebut bagi pihak peguam plaintif dan defendan ia hendaklah berkata:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,

Saya (sebut nama) peguam bagi pihak ketiga menyebut kes ini bagi pihak peguam plaintif dan juga bagi pihak peguam defendan."

Saya yang menurut perintah,



~~(ZAINAL ABIDIN BIN WAZIR)~~
Pemangku Ketua Pendaftar,
Jabatan Kehakiman Malaysia,
Kuala Lumpur.

s.k.

1. Y.A.A. Pemangku Ketua Hakim Negara.
2. Y.A.A. Hakim Besar Borneo (untuk makluman).
3. Y.B. Peguam Negara Malaysia.
4. Pengarah Siasatan Jenayah,
Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur.
5. Semua Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri.
6. Pengerusi Majlis Peguam Malaysia.
7. Pengerusi Jawatankuasa Peguam Negeri-Negeri.

Senarai penjelasan (glossary)

1. Pihak ketiga

- Third party